

Berikut ialah Terma dan Syarat yang mentadbir pembukaan dan pengendalian Akaun Deposit Islamik di Bank Simpanan Nasional. Dengan membuka Akaun Deposit Islamik, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan kaedah-kaedah dan peraturan berikut termasuk mana-mana perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Melainkan tujuan menyatakan sebaliknya, takrif dan taksiran berikut hendaklah terpakai:

- (a) **“Akaun”** atau **“Akaun Deposit Islamik”** bermaksud BSN GIRO-i, BSN GIRO-i Akaun Syarikat, BSN GIRO-i eSaver, BSN BSN Akaun Simpanan Asas-i, BSN Akaun Semasa Asas-i, BSN GIRO-i Premium, BSN GIRO-i Premium Akaun Syarikat, BSN EcoSave-i dan BSN EduSave-i.
- (b) **“Baki Hari”** merujuk kepada bilangan baki hari daripada tarikh semasa sehingga Tarikh Matang Harga Jualan tersebut.
- (c) **“Bank”** bermaksud Bank Simpanan Nasional.
- (d) **“Butiran Keselamatan”** termasuk tetapi tidak terhad kepada kata laluan elektronik dan apa-apa maklumat sulit lain dan/atau kod keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelanggan.
- (e) **“Dagangan Komoditi”** bermaksud transaksi jual beli selaras dengan konsep Syariah Tawarruq.
- (f) **“Deposit Bersih Harian”** merujuk kepada baki Penghujung Hari setiap pemegang akaun atau pelanggan pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan dan hanya mewakili perbezaan positif deposit harian tolak pengeluaran harian.
- (g) **“Harga Belian”** bermakna harga untuk urusan pembelian Komoditi yang dilakukan oleh pihak Bank sebagai ejen Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan jumlah Deposit Bersih Harian Pelanggan.
- (h) **“Harga Jualan”** bermakna jumlah perlu dibayar oleh pihak Bank dalam transaksi Tawarruq (Murabahah Komoditi) untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.
- (i) **“Hari Niaga”** bermaksud hari bekerja di mana pihak Bank beroperasi di Malaysia Barat dan Malaysia Timur (tidak termasuk cuti umum).
- (j) **“Hari Urusniaga Perdagangan”** merujuk kepada hari di mana transaksi pembelian Komoditi dilakukan oleh pihak Bank dengan Pembekal iaitu setiap hari termasuk cuti umum.
- (k) **“Jumlah Baki”** merujuk kepada jumlah keseluruhan deposit Pelanggan setakat 31 Disember yang perlu dilaksanakan akad Tawarruq bagi tempoh setahun yang akan datang.
- (l) **“Kadar Keuntungan Siling (KKS)”** merujuk kepada kadar yang digunakan untuk mengira Keuntungan Siling iaitu 3% setahun.
- (m) **“Kadar Keuntungan Efektif (KKE)”** bermaksud kadar keuntungan sebenar yang digunakan untuk mengira keuntungan terakru dan pengkreditan keuntungan, berbeza untuk setiap produk.
- (n) **“Komoditi”** bermakna barangan atau aset pendasar yang dibenarkan oleh Syariah.
- (o) **“Keuntungan Sebenar”** merujuk kepada keuntungan terakru yang dikira pada KKE dan hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan secara berkala sebagai sebahagian penyelesaian Harga Jualan.
- (p) **“Keuntungan Siling”** merujuk kepada keuntungan siling yang dikira pada KKS dan merupakan komponen keuntungan Harga Jualan.
- (q) **“Laman Web Bank”** merujuk kepada laman web rasmi Bank iaitu www.bsn.com.my.
- (r) **“Murabahah”** merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin keuntungan dinyatakan kepada pembeli.
- (s) **“Notis yang Memadai”** bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh kuatkuasa.

- (t) **"Pelanggan"** bermaksud Pemegang Akaun termasuk individu, perkongsian, pemilikan tunggal, syarikat, kelab, persatuan, organisasi dan badan-badan berkanun, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma dan Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- (u) **"Pembekal"** bermakna peniaga Komoditi dan / atau pembekal yang berurusan dengan Bank bagi tujuan transaksi Tawarruq.
- (v) **"Penghujung Hari (PH)"** merujuk kepada masa tamat penghujung hari pada jam 2359.
- (w) **"Perbankan Internet BSN"** merujuk kepada Perbankan Internet BSN iaitu www.mybsn.com.my.
- (x) **"Qard"** merujuk kepada kontrak meminjamkan duit daripada Pelanggan sebagai pemberi pinjaman kepada Bank sebagai peminjam di mana Bank berkewajipan untuk membayar semula jumlah yang sama apabila diminta oleh Pelanggan mengikut Terma dan Syarat yang telah di persetujui.
- (y) **"Rebat" atau "Ibra"** merujuk kepada 'pengecualian hak tuntutan' yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang harus diberi. Di bawah produk ini, rebat yang diberikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank ke atas Harga Jualan adalah pada Tarikh Matang atau Tarikh Penamatan seperti yang dirujuk di Fasal 9 di sini.
- (z) **"Tarikh Matang"** merujuk kepada 31 Disember setiap tahun di mana komoditi dijual oleh Pelanggan ke Bank dilaksanakan.
- (aa) **"Tarikh Penamatan"** adalah tarikh Pelanggan menamatkan Akaun tersebut dan mengeluarkan kesemua baki.
- (ab) **"Tawarruq"** terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudian, pembeli dalam urusan Jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dengan segera. Dalam produk ini, Bank sebagai ejen Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan Bank sebagai ejen Pelanggan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan secara Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
- (ac) **"Wakalah"** bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (muwakkil) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan fi.
- (ad) Tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan kepada seksyen dan fasal dalam Terma dan Syarat ini adalah bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam tafsiran peruntukan Terma dan Syarat ini.
- (ae) Perkataan yang menunjukkan mufrad merangkumi jamak dan sebaliknya

2. PRINSIP SYARIAH

- 2.1 Konsep Syariah yang digunapakai bagi Produk Deposit Islamik adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi).
- 2.2 Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dwi-wakil' yang merangkumi:
 - (a) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk membeli Komoditi daripada pihak ketiga; dan
 - (b) Pelantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank.

3. PEMBUKAAN AKAUN

- 3.1 Pembukaan akaun hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan oleh Bank dan tertakluk kepada keperluan-keperluan Bank termasuk umur minima, deposit minima, dokumen-dokumen pengenalan dan keperluan lain yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

- 3.2 Pelanggan menyatakan, menjamin dan mengaku janji bahawa semua maklumat, data, penyata dan dokumen yang diberikan kepada Bank adalah benar, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan pada setiap masa. Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Bank bertindak bergantung kepada maklumat dan dokumen tersebut, dan Pelanggan bertanggungjawab ke atas ketepatan dan kesempurnaan maklumat dan dokumen tersebut.
- 3.3 Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk melakukan apa-apa carian dan/atau usaha wajar ke atas butiran yang dikemukakan oleh Pelanggan.
- 3.4 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan mengemukakan sebarang dokumen sokongan bagi tujuan pembukaan akaun, apabila perlu.
- 3.5 Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan akaun oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah dan tepat dan/atau Pelanggan tidak memenuhi mana-mana keperluan atau syarat tambahan yang dikenakan oleh Bank.
- 3.6 Akaun Amanah boleh dibuka oleh ibu atau bapa atau penjaga yang sah sebagai pemegang amanah kepada anak/ penama yang berusia di bawah umur tujuh (7) tahun atau atas sebab-sebab yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
- 3.7 Pengeluaran Kad Debit BSN bagi akaun adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkaitan dengan Kad Debit BSN.

4. DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- 4.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta sebarang dokumen tambahan daripada Pelanggan bagi tujuan transaksi deposit, apabila perlu.
- 4.2 Setiap deposit akan disertakan dengan resit yang dikeluarkan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika ia disahkan oleh mesin dan/atau diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa.
- 4.3 Deposit boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank, mesin deposit tunai (CDM), Ejen Bank, Perbankan Internet BSN dan/atau mana-mana saluran yang mungkin disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.4 Deposit melalui cek hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun setelah cek jelas. Jika cek tidak laku, Bank akan menghubungi Pelanggan untuk mengambil notifikasi cek tak laku atau atas permintaan Pelanggan diposkan secara pos berdaftar ke alamat terakhir Pelanggan yang berdaftar dengan pihak Bank, di atas risiko Pelanggan sendiri. Pihak Bank berhak mendebitkan Akaun Pelanggan dan/atau menuntut bayaran daripada Pelanggan bagi apa-apa perbelanjaan oleh Bank berkaitan pelaksanaan peruntukan di bawah klausa ini.
- 4.5 Pengeluaran boleh dibuat (tertakluk kepada baki Akaun sedia ada, syarat baki minimum dan had pengeluaran) di mana- mana cawangan Bank, mesin juruwang automatik (ATM), Ejen Bank, Perbankan Internet BSN atau mana-mana saluran lain yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5. PENGESAHAN DOKUMEN PENGENALAN

- 5.1 Semua transaksi perbankan yang dilakukan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada keperluan pengenalan yang ditentukan oleh pihak Bank. Pengenalan tersebut hendaklah disahkan mengikut cara dan kaedah yang dianggap sesuai dan diterima pakai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengenalpastian melalui pengesahan cap ibu jari.

- 5.2 Setelah pengesahan pengenalan Pelanggan berjaya dilaksanakan berdasarkan Klausa 5.1, Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan ke atas tindakan meneruskan dan melaksanakan sebarang transaksi perbankan yang berkaitan sepertimana diarahkan oleh Pelanggan.

6. PELANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN

- 6.1 Pelanggan bersetuju melantik Bank, dan Bank bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen kepada Pelanggan secara wakil mutlak untuk melaksanakan semua pembelian dan penjualan Komoditi selaras dengan Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Pelanggan bersetuju bahawa perwakilan yang diberikan kepada Bank seperti yang dinyatakan pada Klausa 2.2 terpakai kepada semua urusan deposit Pelanggan bagi Akaun tersebut.
- 6.3 Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.
- 6.4 Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan menjalankan tanggungjawab secara suci hati.
- 6.5 Pelanggan mengakui, walaupun Komoditi yang terlibat di dalam Transaksi Komoditi Tawarruq boleh dihantar secara fizikal, Pelanggan bersetuju bahawa penghantaran komoditi secara fizikal ini tidak akan dilaksanakan. Namun, sekiranya Pelanggan berhasrat untuk mengambil milikan fizikal Komoditi tersebut, Pelanggan perlu mengambil milikan fizikal tersebut mengikut keperluan minimum dan terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi dengan kos yang ditanggung oleh Pelanggan sendiri.
- 6.6 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada tindakan sebagai ejen Pelanggan dalam transaksi Komoditi Tawarruq atau disebabkan pelanggaran obligasi oleh Pelanggan kecuali tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaihan melampau atau penipuan pihak Bank. Tanggung rugi ini akan terus berkuatkuasa meskipun Terma dan Syarat ini ditamatkan dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah ini tidak tertakluk kepada potongan sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 6.7 Bank sebagai ejen kepada Pelanggan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian atau kerosakan ke atas kepentingan Pelanggan (Muwakkil) kecuali kerugian atau kerosakan berlaku disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaihan melampau, penipuan atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.
- 6.8 Sekiranya Bank sebagai ejen tidak dapat melakukan Transaksi Dagangan Tawarruq pada hari yang sama dengan tarikh deposit, jumlah deposit (dana) akan dianggap sebagai *Qard* sampingan oleh Pelanggan kepada Bank. *Qard* ditamatkan setelah pelaksanaan dan penyelesaian Transaksi Dagangan Tawarruq tersebut.
- 6.9 Pelanggan dengan ini bersetuju dengan mengekalkan akaun dengan Bank, pelantikan Bank sebagai ejen kepada Pelanggan akan berterusan dan hanya akan dihentikan serentak setelah penutupan Akaun Pelanggan dengan Bank.

7. TRANSAKSI PERDAGANGAN TAWARRUQ

- 7.1 Dengan membuka Akaun, Pelanggan bersetuju untuk melantik Bank sebagai ejen Pelanggan melalui akad Wakalah untuk melaksanakan perkara berikut:

- (a) Membeli Komoditi daripada Pembekal; dan
 - (b) Menyempurnakan penjualan komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.
- 7.2 Bank sebagai ejen Pelanggan, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal secara tunai tertakluk kepada Hari Urusniaga Perdagangan.
- 7.3 Selepas itu, Bank sebagai ejen Pelanggan yang telah dilantik akan menyempurnakan penjualan Komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh.
- 7.4 Seterusnya, Bank akan menjual Komoditi yang dimilikinya kepada Pembekal yang lain secara tunai pada harga bersamaan dengan Harga Belian.
- 7.5 Dagangan komoditi berikutnya akan dilakukan sebagaimana ditentukan oleh Bank seperti berikut:
- (a) Pada Hari Urusniaga Perdagangan yang jatuh pada hari Niaga berikutnya setelah tarikh deposit, tertakluk kepada jumlah Deposit Bersih Harian.
 - (b) Pada Hari Urusniaga Perdagangan yang jatuh pada hari Niaga berikutnya setiap tahun baru pada Jumlah Baki.
- 7.6 Transaksi Komoditi Tawarruq akan dilaksanakan setiap hari berdasarkan jumlah Deposit Bersih Harian pada masa yang ditetapkan iaitu 11.59 malam.
- 7.7 Harga Jualan adalah dikira seperti berikut:

$$\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Keuntungan Siling}$$

- 7.8 Keuntungan Siling akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Keuntungan Siling} = \text{Harga Jualan} \times \text{KKS} \times \text{Baki Hari} / 365 \text{ atau } 366$$

- 7.9 Harga Jualan akan dibayar secara bayaran tertangguh oleh Bank kepada Pelanggan seperti di bawah:
- (a) Pembayaran keuntungan sebenar pada KKE berdasarkan pengiraan keuntungan dan kekerapan pengkreditan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8.1 dan 8.2 di bawah;
 - (b) Pengeluaran wang dari Akaun oleh Pelanggan;
 - (c) Penutupan akaun.
- 7.10 Pengeluaran akan dianggap sebagai sebahagian bayaran dari Harga Jualan oleh Bank kepada Pelanggan dan perlu berkadar dengan amaun pengeluaran oleh Pelanggan.
- 7.11 Pada Tarikh Matang, pihak Bank akan melaburkan / memperbaharui semula Jumlah Baki di dalam Akaun Pelanggan dan akan memasuki Dagangan Komoditi baharu untuk satu tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun berikutnya.

8. KEUNTUNGAN

- 8.1 Keuntungan akan dikira berdasarkan baki harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan akan dikreditkan ke dalam Akaun secara bulanan.
- 8.2 Formula pengiraan keuntungan adalah seperti di bawah:

$$\text{Baki Harian} \times \text{KKE} \times \text{Bilangan Hari} / 365 \text{ atau } 366$$

- 8.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak pada bila-bila masa untuk menyemak semula kadar keuntungan (KKE) dengan mengemukakan notis kepada Pelanggan dengan memaparkan kadar semak semula di cawangan-cawangan Bank atau di Laman Web Bank.

9. REBAT / IBRA'

- 9.1 Pelanggan dengan ini bersetuju untuk memberikan rebat di bawah konsep Ibra' tertakluk kepada berlakunya peristiwa tertentu yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Pengeluaran sebelum Tarikh Matang;
 - (b) Apabila penamatan Akaun sebelum Tarikh Matang;
 - (c) Perbezaan antara KKS dan KKE pada Tarikh Matang;
- 9.2 Formula pengiraan Rebate (Ibra') adalah seperti di bawah:

Rebat = Agregat Keuntungan Siling – Agregat Keuntungan Sebenar telah Dibayar

10. PENYATA AKAUN

- 10.1 Penyata akaun disediakan secara bulanan melalui saluran Perbankan Internet BSN i.e. myBSN (bagi Pelanggan individu) atau BSNeBiz (bagi Pelanggan bukan individu). Pelanggan perlu mendaftar sebagai pengguna myBSN atau BSNeBiz untuk mendapatkan e-Penyata.
- 10.2 Pelanggan pada bila-bila masa boleh memohon penyata akaun bercetak melalui kaunter Bank tertakluk kepada fi dan caj yang ditetapkan oleh Bank, yang mana berkenaan.
- 10.3 Pelanggan perlu menyemak setiap transaksi yang direkodkan di dalam penyata dan memaklumkan pihak Bank sekiranya terdapat apa-apa kesilapan, ketidaksamaan, percanggahan, tuntutan atau pengeluaran yang tidak dibenarkan atau apa-apa perincian yang dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kecuaiian atau pendedahan daripada pihak ketiga. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa bantahan dalam tempoh empat belas hari (14) hari kalendar dari tarikh penyata dikeluarkan, penyata tersebut adalah dianggap betul dan tepat.

11. LIABILITI

- 11.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh operasi akaun yang dibuka oleh Pelanggan dengan Bank melainkan kerugian tersebut adalah secara langsung disebabkan oleh kecuaiian pihak Bank secara sengaja.
- 11.2 Pelanggan bersetuju akan bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank secara penuh ke atas kesemua penalti, caj, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainya termasuk kos atas rundingan peguam cara dengan klien) yang mungkin ditanggung, dialami dan tertakluk oleh Bank akibat:
- (a) Pelanggan melanggar Terma dan Syarat ini;
 - (b) Salah nyataan, atau penyerahan sebarang maklumat dan/atau dokumen yang salah, palsu, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan oleh Pelanggan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pelanggan;
 - (c) Pelanggan melakukan penipuan;
 - (d) Pelanggan mendedahkan Butiran Keselamatan kepada mana-mana orang lain atau dalam apa-apa e-mel atau di laman web yang bukan milik Bank;
 - (e) Kegagalan Pelanggan mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;
 - (f) Kegagalan Pelanggan untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut seberapa segera yang mungkin sebaik sahaja menyedari tentang

- pelanggaran atau kehilangan itu;
- (g) Bank mengeluarkan mandat yang sah yang diminta oleh Pelanggan;
- (h) Bank menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap Pelanggan;
- (i) Bank mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/atau
- (j) Bank mematuhi apa-apa penghakiman atau perintah Mahkamah yang dikeluarkan oleh mana-mana badan tribunal, entiti yang ditubuhkan secara sah atau pihak berkuasa, yang timbul daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang berkaitan dengan Pelanggan, dan/atau akaun Pelanggan di Bank.

Klausa ini tanpa prejudis terhadap mana-mana hak dan remedi lain yang tersedia kepada Bank di bawah undang-undang yang terpakai.

11.3 Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak akan terpakai kepada perbankan elektronik yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank setakat kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung yang timbul daripada:

- (a) Kegagalan Bank untuk memaklumkan Pelanggan tentang obligasi Pelanggan untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Butiran Keselamatan, serta obligasi Pelanggan untuk memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas perkara tersebut;
- (b) Kegagalan Bank untuk menyediakan Pelanggan dengan cara yang sewajarnya untuk memaklumkan Bank tentang apa-apa transaksi yang tidak dibenarkan atau yang dipertikaikan;
- (c) Kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan di bawah kawalan penuh Bank;
- (d) Kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri keselamatan dan kawalan yang digunakan oleh Bank;
- (e) Transaksi yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank tentang transaksi yang tidak dibenarkan atau tentang pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas apa-apa Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan Pelanggan;
- (f) Transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan menerima apa-apa Butiran Keselamatan yang berkaitan dengan akses dan penggunaan Akaun Pelanggan; dan/atau
- (g) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian Pelanggan sendiri.

12. HAK UNTUK MENDEBIT AKAUN DAN PELARASAN

12.1 Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pendebitan Akaun ke atas sebarang amaun berkaitan yang telah tersilap bayar atau ter kredit ke dalam Akaun :

- (a) oleh sebab mana-mana kerosakan atau kerosakan operasi Bank dan/atau sistem dan/atau apa-apa sebab lain yang di luar kawalan munasabah Bank seperti insiden sekuriti siber yang tidak pernah berlaku sebelum ini yang memberi kesan kepada sistem perbankan walaupun terdapat langkah keselamatan yang munasabah atau kegagalan perkhidmatan pihak ketiga yang mengakibatkan gangguan kepada sistem perbankan. Pelarasan akan dibuat serta merta dan pihak Bank akan memberi notis bertulis kepada Pelanggan: atau
- (b) oleh pendeposit pihak ketiga. Pelarasan akan dibuat oleh Bank dengan memberikan notis yang memadai kepada Pelanggan di mana jika tiada bantahan oleh Pelanggan dalam tempoh notis yang dinyatakan.

13. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

13.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun bagi tujuan pengurangan dan/atau pelepasan sebarang jumlah terutang kepada Bank, dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar sebelum

tarikh kuatkuasa kepada Pelanggan.

14. AKAUN BERSAMA

- 14.1 Pelanggan Akaun Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan mengaku janji untuk menanggunggrugi dan melepaskan Bank daripada apa-apa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain dalam apa jua pun dan pada bila-bila masa yang ditanggung yang timbul daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pelanggan Akaun Bersama.
- 14.2 Sama ada secara salah seorang atau bersama, kuasa yang diberikan kepada penandatanganan diberi kuasa untuk mengendalikan Akaun Bersama hendaklah dianggap termasuk tanpa had bagi perkara yang berikut:
- (a) Pelantikan Bank sebagai ejen seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6.
 - (b) Pengeluaran apa-apa jumlah daripada Akaun Bersama;
 - (c) Penerusan dan penutupan Akaun Bersama;
 - (d) Penggunaan apa-apa kemudahan yang disediakan oleh Bank untuk membayar bil atau memindahkan dana daripada Akaun Bersama;
 - (e) Penggunaan apa-apa perkhidmatan elektronik yang dari semasa ke semasa disediakan oleh Bank menurut terma dan syarat dan pembayaran semua fi, kos atau perbelanjaan berhubung dengannya daripada Akaun Bersama;
 - (f) Pemberian apa-apa arahan tetap bagi pembayaran daripada Akaun Bersama;
 - (g) Pemberian apa-apa tanggung rugi bertulis yang diperlukan oleh Bank berhubung dengan pengendalian Akaun Bersama atau apa-apa yang disebut sebelum ini; dan
 - (h) Secara umum kuasa untuk memohon, membatalkan, mengubah suai atau melakukan semua perkara yang berkaitan dengan mana-mana perkara yang disebut di atas.
- 14.3 Apabila Bank menerima pemakluman kematian mengenai salah seorang Pelanggan Akaun Bersama, Bank dengan ini berhak untuk membuat pembayaran baki Akaun tersebut kepada Pelanggan Akaun Bersama yang masih hidup tertakluk kepada Bank ditanggung rugi oleh Pelanggan yang masih hidup tersebut terhadap sebarang tuntutan yang mungkin dibuat terhadap Bank akibat Bank membuat pembayaran tersebut.

15. AKAUN SYARIKAT

- 15.1 Pelanggan menyatakan dan menjamin bahawa:
- (a) ia adalah entiti yang diperbadankan secara sah, wujud secara sah, dan sah berdaftar di bawah undang-undang yang terpakai;
 - (b) ia mempunyai kuasa korporat penuh, hak undang-undang dan kuasa untuk membuka dan mengendalikan Akaun Syarikat dan melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (c) Pembukaan Akaun Syariakt dan pelaksanaan semua dokumentasi yang berkaitan dilakukan oleh penandatanganan sah Pelanggan dan telah diberi kuasa dengan seawajarnya dan sah oleh Lembaga Pengarah atau rakan kongsinya;
 - (d) Akaun Syarikat akan digunakan semata-mata untuk tujuan perniagaan yang sah dan tiada transaksi akan dijalankan melalui Akaun Syarikat untuk sebarang aktiviti yang haram, menyalahi undang-undang, atau aktiviti yang tidak wajar.
- 15.2 Pelanggan adalah bertanggungjawab terhadap semua liabiliti dan peruntukan yang mentadbir Akaun Syarikat.
- 15.3 Arahan dan mandat yang diberikan untuk pengendalian Akaun Syarikat akan berkuat kuasa secara berterusan sehingga dibatalkan secara bertulis dan digantikan dengan arahan dan mandat baharu dan akan terpakai tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam pengarah/ keanggotaan, yang mana berkaitan, sama ada dengan kematian, kebangkrapan dan/atau persaraan.

- 15.4 Akaun Syarikat yang dibuka oleh kelab sekolah atau persatuan sekolah hendaklah dikelola oleh guru sekolah masing-masing di mana kelab atau persatuan di sekolah itu berada, di mana salah seorang daripada pengelola tersebut hendaklah merupakan pengetua/guru besar sekolah.

16. PENUTUPAN AKAUN

- 16.1 Penutupan Akaun oleh Pelanggan hendaklah dilakukan di mana-mana cawangan Bank. Bagi akaun Bersama, penutupan Akaun hendaklah selaras dengan terma dan syarat mandat yang diberikan oleh Pelanggan.
- 16.2 Pelanggan hendaklah mematuhi semua syarat Bank, jika ada, bagi penutupan akaun. Bank berhak mengenakan fi penutupan akaun sebanyak:
- (a) RM20 jika akaun ditutup oleh Pelanggan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pembukaan akaun (terpakai untuk BSN GIRO-i, BSN GIRO-i Akaun Syarikat, BSN GIRO-i eSaver, BSN GIRO-i Premium dan BSN GIRO-i Premium Akaun Syarikat, BSN EcoSave-i dan BSN EduSave-i);
 - (b) RM20 jika akaun ditutup oleh Pelanggan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembukaan akaun (terpakai untuk BSN Akaun Simpanan Asas-i dan Akaun Semasa Asas-i).
- 16.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk:
- (a) Menutup mana-mana Akaun jika nama Pelanggan terdapat dalam senarai hitam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan; dan/atau
 - (b) Menutup mana-mana Akaun atas apa-apa sebab sekalipun dengan memberikan notis yang memadai mengenai tujuan tersebut; dan/atau
 - (c) Menutup mana-mana akaun yang dibuka tanpa memenuhi syarat deposit pendahuluan minimum dan deposit minimum tidak dikreditkan dalam masa tiga puluh (30) hari kalendar akaun dibuka.

17. AKAUN DORMAN / WANG TAK DITUNTUT

- 17.1 Akaun yang tiada transaksi dilakukan oleh Pelanggan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut akan dianggap sebagai "Akaun Dorman". Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memberitahu Pelanggan tentang perubahan dalam status atau klasifikasi akaun sebagai dormant.
- 17.2 Fi perkhidmatan tahunan sebanyak RM10 akan dikenakan dan ditolak dari Akaun selagi mana Akaun tersebut kekal dormant sehingga Akaun diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Sekiranya baki Akaun adalah RM10 dan ke bawah, baki Akaun tersebut akan ditolak sebagai fi perkhidmatan dan Akaun kemudiannya akan ditutup.
- 17.3 Tiada fi perkhidmatan tahunan dikenakan untuk BSN EduSave-i dan BSN EcoSave-i.
- 17.4 Dalam tempoh di mana akaun diklasifikasikan sebagai dormant, Akaun boleh terus menerima deposit di mana Bank tidak akan bertanggungjawab untuk memberitahu pendeposit tentang status dormant Akaun tersebut apabila menerima atau memproses transaksi deposit tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang pengeluaran hanya dibenarkan selepas pengaktifan semula Akaun, yang akan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Bank.
- 17.5 Pengaktifan semula Akaun dormant hanya boleh dilakukan di kaunter cawangan Bank dan tertakluk kepada pengesahan identiti, di mana Pelanggan dikehendaki melakukan transaksi deposit atau pengeluaran di kaunter selepas pengaktifan semula. Tiada caj akan dikenakan ke atas pengaktifan semula Akaun dormant.

- 17.6 Mana-mana wang berbaki kredit di dalam Akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun dari tarikh transaksi terakhir akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Bank akan menutup Akaun tersebut dan memindahkan baki wang dalam Akaun kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut seperti yang ditetapkan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan pindaan keatasnya. Sebarang tuntutan untuk Wang Tak Dituntut tersebut oleh Pelanggan hendaklah dilakukan secara terus kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 17.7 Sebelum pemindahan wang dilaksanakan Bank selaras dengan Klausula 17.6, pihak Bank akan memberikan Notis Yang Memadai, memaklumkan Pelanggan berkenaan pemindahan wang akibat daripada Akaun dormant. Pelanggan akan dimaklumkan berkenaan pilihan untuk pengaktifan semula Akaun atau penutupan Akaun bagi mengelakkan wang dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

18. FI DAN CAJ

- 18.1 Bank berhak untuk mengenakan dan menolak daripada Akaun bagi perkara-perkara berikut:
- (a) Kos, fi dan caj yang dikenakan ke atas transaksi yang dilaksanakan dan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank pada kadar yang terpakai dari semasa ke semasa;
 - (b) Apa-apa caj perkhidmatan ke atas Akaun yang selaras dengan peraturan mana-mana badan atau persatuan atau pihak berkuasa kawal selia Bank; dan
 - (c) Apa sahaja caj yang boleh dikenakan atau apa-apa transaksi atau perkhidmatan ke atas Pelanggan pada masa ini atau pada masa akan datang yang dikenakan oleh undang-undang atau yang perlu dikenakan caj.
- 18.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan / atau mengubah fi dan caj dari semasa ke semasa kepada Pelanggan dan fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk diterima pakai. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan memberikan notis yang memadai sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya. Pemakluman akan diberikan kepada Pelanggan secara bertulis atau elektronik atau melalui paparan di cawangan dan Laman Web Bank.
- 18.3 Fi dan caj yang terkandung dalam Jadual Fi dan Caj Bank boleh diakses melalui Laman Web Bank atau di cawangan Bank, dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Fi dan Caj Bank, yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

19. PERTUKARAAN BUTIRAN

- 19.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, tandatangan, mandat termasuk penandatanganan yang diberi kuasa oleh Pelanggan atau butiran lain dengan mengunjungi cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir dan mandat Pelanggan yang diketahui di dalam rekod Bank. Sebagai penjelasan, tiada perubahan dalam butir-butir atau mandat Pelanggan akan dianggap berkesan melainkan Pelanggan telah memberitahu Bank dengan sewajarnya tentang perubahan tersebut dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas sebarang notis perubahan butir-butir yang ia tidak mempunyai pengetahuan sebenar pada masa perubahan itu dibuat. Pelanggan selanjutnya berjanji untuk menyediakan dokumentasi yang dikemas kini apabila dan apabila diperlukan oleh Bank.

20. PEMBEKUAN AKAUN

- 20.1 Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun pada bila-bila masa dan untuk tempoh yang difikikan sesuai :

- (a) berdasarkan mana-mana:
 - (i) peruntukan undang-undang, peraturan atau enakmen;
 - (ii) arahan atau permintaan BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kawal selia; atau
 - (iii) perintah mahkamah,
 - (b) atas apa jua keadaan yang dianggap wajar oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) kebangkrapan Pelanggan;
 - (ii) penggulangan syarikat;
 - (iii) kematian atau ketaksiuman Pelanggan;
 - (iv) kematian mana-mana penandatanganan yang diberi kuasa (sehingga mandat baru diserahkan oleh Pelanggan);
 - (v) syak wasangka terhadap sebarang aktiviti penipuan atau menyalahi undang-undang berkaitan Akaun yang memerlukan penyiasatan dijalankan oleh Bank atau mana-mana badan pihak berkuasa lain;
 - (vi) dokumen atau maklumat yang diberikan oleh Pelanggan untuk pembukaan Akaun didapati palsu, tidak betul dan/atau diusik; atau
 - (vii) pihak Bank menggunakan haknya untuk menolak hutang yang terhutang kepada Bank.
- 20.2 Pelanggan hendaklah berunding dengan pihak Bank bagi tujuan tidak membekukan akaun bersama bukti yang sesuai yang memuaskan hati pihak Bank bahawa tindakan itu telah ditarik balik dengan sewajarnya.
- 20.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam apa-apa tindakan guaman yang timbul daripada tindakan Bank dalam membekukan Akaun atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan Akaun itu memulakan apa-apa tindakan guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interpleader terhadap mana-mana pihak termasuk Pelanggan untuk apa-apa relief atau pengisytiharan yang wajar yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau selainnya termasuk kos atas dasar peguam cara dan Pelanggan) yang mungkin diawadkan kepada Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank, hendaklah ditanggung rugi oleh Pelanggan.

21. ANTI PENCEGAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

- 21.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada dana yang dipindahkan ke dan dari akaun adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang yang melanggar mana-mana Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.
- 21.2 Pelanggan berakujanji **tidak akan**:
- (a) Menggunakan akaun, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (b) Menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (c) Menggunakan sebarang wang daripada akaun untuk sebarang pengubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.
- 21.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk meminta Pelanggan untuk memberikan Bank semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang diperlukan oleh Bank untuk membuka dan menyelenggara Akaun Pelanggan bagi memenuhi keperluan *Know Your Customer*, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Anti-Pembiayaan-Keganasan dan mana-mana undang-undang dan peraturan lain yang Bank perlukan atau bersetuju untuk mematuhi. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan segera, secara bertulis, sebarang perubahan dalam mana-mana dokumen, maklumat atau kebenaran yang diberikan kepada Bank, dan memberikan Bank dokumen sokongan dan bukti sebarang perubahan tersebut.

21.4 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan dan tuntutan transaksi kewangan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan untuk dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau menangguhkan atau membatalkan transaksi. Bank tidak perlu memaklumkan Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah undang-undang atau polisi tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau sebarang kelewatan atau kegagalan oleh Bank, dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau kewajipan lain.

22. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI

22.1 Pelanggan membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausula ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").

22.2 Pelanggan membenarkan dan bersetuju untuk Bank mendedahkan hal ehwal atau Akaun Pelanggan berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Data Peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel, bagi tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pelanggan kepada mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan"):-

- (a) Mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Bank, subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu dan wakil; atau
- (b) Pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda; atau
- (c) Mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi antara Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); atau
- (d) Mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung atau tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank; atau
- (e) Mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh manamana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan atau penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; atau
- (f) Mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank; atau
- (g) Apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; atau
- (h) Mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan Pelanggan; atau
- (i) Pihak berkuasa cukai negara atau bidangkuasa lain atau negara atau negaradimana Pelanggan boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank mempunyai kewajipan untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

22.3 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada

Polisi Privasi yang boleh diakses di Laman Web Bank. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sinidengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.

- 22.4 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi. Walaubagaimanapun, penarikan balik kebenaran Pelanggan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.

23. KEADAAN YANG TIDAK DIJANGKA

- 23.1 Walau apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan mana-mana perkhidmatan atas apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka Bank tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkiran obligasi, kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang ditanggung ataudialami oleh Pelanggan akibat daripadanya.

24. TERMA DAN SYARAT KHUSUS

- 24.1 Terma dan Syarat Khusus yang dinyatakan di bawah akan mentadbir Akaun Pelanggan mengikut jenis akaun dan jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara Terma dan Syarat Khusus dengan Terma dan Syarat Generik ini, Terma dan Syarat Khusus akan terpakai.

25. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

- 25.1 Walau apapun yang terkandung disini, Bank berhak dengan memberi notis yang memadai sebelum tarikh berkuatkuasa, untuk menambah, menggugur atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan ("Pindaan") kepada peruntukan di dalam ini akan mengikat Pelanggan dan Bank dianggap telah membuat pemakluman kepada Pelanggan melalui notis tersebut. Kesemua Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini.
- 25.2 Sebarang pemakluman daripada Bank kepada Pelanggan boleh dihantar secara peribadi atau melalui pos berdaftar / biasa kepada Pelanggan di alamat semasa yang disimpan oleh Bank atau melalui paparan di Laman Web Bank atau cawangan Bank atau melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

26. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL & BIDANG KUASA

- 26.1 Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

B. TERMA DAN SYARAT KHUSUS UNTUK BSN ECOSAVE-i

1. KELAYAKAN

- 1.1. BSN EcoSave-i terbuka kepada semua Individu warganegara Malaysia yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas.

2. DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- 2.1. Pembukaan akaun BSN Ecosave-i hendaklah dibuat di mana-mana kaunter cawangan BSN dan tertakluk kepada jumlah peletakan minimum sebanyak RM100 semasa pembukaan akaun dan Pelanggan hendaklah mengekalkan baki minimum sekurang-kurangnya sebanyak RM10 pada bila-bila masa.
- 2.2. Pelanggan hendaklah membuat simpanan bulanan minimum sebanyak RM50 (Simpanan Bulanan) setiap bulan dalam BSN EcoSave-i untuk tempoh simpanan selama tiga (3) tahun atau lima (5) tahun (Tempoh Simpanan). Apa-apa deposit yang kurang RM50 dalam satu transaksi adalah tidak dibenarkan.
- 2.3. Simpanan bulanan minimum perlu dibuat dalam setiap bulan kalendar dan simpanan lebihan tidak akan dikira untuk simpanan bulan berikutnya.
- 2.4. Transaksi deposit boleh dilakukan melalui mana-mana saluran perbankan yang dibenarkan seperti melalui mana-mana kaunter cawangan BSN, Arahan Tetap, Mesin Deposit Tunai (CDM), pindahan daripada akaun BSN atau akaun di Bank selain BSN. Semua Transaksi deposit adalah tertakluk kepada amaun deposit minimum yang telah ditetapkan.
- 2.5. Deposit dalam apa-apa amaun yang melebihi deposit minimum adalah dibenarkan.
- 2.6. Pengeluaran dibenarkan tertakluk kepada baki minimum. Walaubagaimanapun, Pelanggan dinasihatkan supaya tidak membuat pengeluaran untuk layak menikmati kelebihan-kelebihan yang ditawarkan bagi akaun BSN Ecosave-i ini.
- 2.7. Pengeluaran boleh dibuat (tertakluk kepada baki minimum akaun dan had pengeluaran) di mana-mana cawangan Bank dan mesin teller automatik (ATM) sahaja. Pengeluaran melalui Perbankan Internet BSN, Ejen Bank, Aplikasi Perbankan Mobil BSN adalah tidak dibenarkan.

3. KEUNTUNGAN

- 3.1. Keuntungan akan dikira berdasarkan baki harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan akan dikredit ke dalam BSN EcoSave-i pada setiap ulang tahun.
- 3.2. Sekiranya Pelanggan gagal membuat simpanan bulanan sebanyak tiga (3) bulan dalam tempoh dua belas (12) bulan, kadar keuntungan BSN EcoSave-i akan terbatal dan kadar keuntungan bagi akaun simpanan BSN GIRO-i akan terpakai.

4. TAKAFUL

- 4.1. Perlindungan Takaful adalah pilihan dan ditawarkan atas permintaan pelanggan untuk melindungi kepentingan Pelanggan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang berkaitan dengan Banjir semasa Tempoh Simpanan.
- 4.2. Pelanggan bersetuju bahawa setelah melanggan pelan Takaful, sumbangan Takaful akan ditolak daripada simpanan akaun BSN Ecosave-i melalui Arahan Tetap atau apa-apa cara yang diterima oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.3. Tempoh perlindungan Takaful akan bermula dari tarikh Arahan Tetap, tertakluk kepada potongan sumbangan berjaya dilaksanakan tidak lewat dari satu (1) hari kalendar selepas tarikh Arahan Tetap dibuat. Jika sumbangan dibuat melalui cara selain Arahan Tetap, tempoh perlindungan akan bermula pada tarikh sumbangan dibuat.

- 4.4. Pelanggan mengaku bahwa apa-apa prosedur Takaful termasuk pendaftaran, maklumat perlindungan dan tuntutan akan dirujuk dengan Pembekal Takaful yang boleh dihubungi di IKHLAS CARE 03-27239999 / 03-27239696.

5. AKAUN MATANG

- 5.1. Tempoh simpanan BSN EcoSave-i akan tamat apabila mencapai tempoh matang pada tahun ketiga (3) atau tahun kelima (5) dan Pelanggan dinasihatkan agar tidak membuat sebarang deposit ke dalam akaun BSN Ecosave-i setelah mencapai tempoh matang.
- 5.2. Setelah tamat Tempoh Simpanan:
- (a) BSN EcoSave-i akan ditutup dan semua baki akan dipindahkan ke dalam akaun BSN GIRO-i milik Pelanggan atau mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa lain milik Pelanggan.
 - (b) Jika Pelanggan tidak mempunyai apa-apa akaun deposit lain dengan Bank, BSN EcoSave-i akan ditukar secara automatik ke akaun BSN GIRO-i, atau apa-apa akaun deposit lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - (c) Bagi penukaran ke akaun BSN GIRO-i atau apa-apa akaun deposit lain berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq yang ditawarkan oleh Bank, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai wakil untuk Pelanggan di bawah perwakilan yang tidak terhad untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan untuk pembelian dan penjualan Komoditi berdasarkan Terma dan Syarat ini.
 - (d) Semua kelebihan untuk BSN EcoSave-i akan ditamatkan.

6. PERBANKAN ATAS TALIAN

- 6.1. Perkhidmatan perbankan atas talian melalui Perbankan Internet MyBSN dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih MyBSN adalah disediakan hanya untuk pemegang kad BSN Kad Debit.
- 6.2. Perkhidmatan perbankan atas talian melalui Perbankan Internet BSN dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih BSN bagi EcoSave-i adalah terhad kepada semakan butiran akaun, sejarah transaksi, mendapatkan e-Penyata dan pindahan ke akaun deposit BSN lain. Demi mengelakkan keraguan, pindahan keluar dari akaun ke akaun selain akaun deposit BSN adalah tidak dibenarkan.

C. TERMA DAN SYARAT KHUSUS UNTUK BSN EDUSAVE-I

1. KELAYAKAN

- 1.1. BSN EduSave-i terbuka kepada Individu warganegara Malaysia dan pemastautin tetap yang berumur tujuh (7) tahun sehingga tujuh belas (17) tahun, tertakluk kepada umur maksimum lapan belas (18) tahun pada tarikh akaun matang.
- 1.2. Kad Debit BSN akan diberikan atas permintaan pelanggan dan hanya akan dikeluarkan kepada pelanggan berumur tiga belas (13) tahun hingga tujuh belas (17) tahun sahaja.

2. DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- 2.1. Pembukaan akaun BSN Edusave-i hendaklah dibuat di mana-mana kaunter cawangan BSN dan tertakluk kepada jumlah peletakan minimum sebanyak RM50 semasa pembukaan akaun dan Pelanggan hendaklah mengekalkan baki minimum sekurang-kurangnya sebanyak RM10 pada bila-bila masa.

- 2.2. Pelanggan hendaklah membuat simpanan bulan minimum sebanyak RM50 (Simpanan Bulanan) setiap bulan ke dalam BSN EduSave-i untuk tempoh satu (1) tahun, tiga (3) tahun atau lima (5) tahun (Tempoh Simpanan). Tiada had maksimum untuk amaun simpanan bulanan. Apa-apa deposit yang kurang RM50 dalam satu transaksi adalah tidak dibenarkan.
- 2.3. Simpanan minimum bulanan perlu dibuat dalam setiap bulan kalendar dan lebih simpanan tidak akan dikira terhadap simpanan bulan berikutnya.
- 2.4. Deposit termasuk simpanan bulanan ke dalam akaun boleh dibuat melalui mana-mana saluran perbankan yang dibenarkan seperti mana-mana kaunter cawangan BSN, Arahan Tetap, Mesin Deposit Tunai (CDM) pindahan daripada mana-mana akaun BSN atau akaun pelanggan di Bank selain BSN tertakluk kepada amaun deposit minimum.
- 2.5. Pengeluaran dibenarkan tertakluk kepada baki minimum. Walaubagaimanapun, Pelanggan dinasihatkan supaya tidak membuat pengeluaran untuk layak menikmati kelebihan-kelebihan yang ditawarkan bagi akaun BSN EduSave-i ini.
- 2.6. Pengeluaran boleh dibuat (tertakluk kepada baki akaun sedia ada dan had pengeluaran) di mana-mana cawangan Bank dan mesin teller automatik (ATM) sahaja. Pengeluaran melalui Perbankan Internet BSN, Ejen Bank, Aplikasi Perbankan Mudah Alih BSN adalah tidak dibenarkan.
- 2.7. Deposit dalam apa-apa amaun yang melebihi deposit minimum adalah dibenarkan.

3. KEUNTUNGAN DAN BONUS

- 3.1. Keuntungan akan dikira berdasarkan baki harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan akan dikredit ke dalam akaun BSN EduSave-i pada setiap ulang tahun.
- 3.2. Sekiranya Pelanggan gagal membuat simpanan bulanan sebanyak tiga (3) bulan dalam tempoh dua belas (12) bulan, kadar keuntungan BSN EduSave-i akan terbatal dan kadar keuntungan bagi akaun simpanan BSN GIRO-i akan terpakai.
- 3.3. Pihak Bank akan memberikan bonus atas keuntungan atas budi bicaranya (hibah) di mana bonus atas keuntungan hendaklah dikira berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

4. AKAUN MATANG

- 4.1. Tempoh simpanan BSN EduSave-i akan tamat apabila mencapai tempoh yang dinyatakan seperti dipersetujui oleh Pelanggan.
- 4.2. Berikutnya akan berlaku apabila akaun mencapai tempoh matang:
 - (a) Akaun BSN EduSave-i akan ditutup dan semua baki akan dipindahkan ke dalam akaun BSN GIRO-i milik Pelanggan atau mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa lain milik Pelanggan.
 - (b) Jika Pelanggan tidak mempunyai apa-apa akaun deposit lain dengan Bank, akaun BSN EduSave-i akan ditukar secara automatik ke akaun BSN GIRO-i, atau apa-apa akaun simpanan atau akaun semasa lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - (c) Bagi penukaran ke akaun BSN GIRO-i atau apa-apa akaun deposit lain berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq yang ditawarkan oleh Bank, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik Bank dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai wakil untuk Pelanggan di bawah perwakilan yang tidak terhad untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan untuk pembelian dan penjualan Komoditi berdasarkan Terma dan Syarat ini.

- (d) Segala kelebihan BSN EduSave-i akan tamat.

5. PERBANKAN ATAS TALIAN

- 5.1. Perkhidmatan perbankan atas talian melalui Perbankan Internet BSN dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih BSN adalah disediakan hanya untuk pemegang kad BSN Kad Debit.
- 5.2. Perkhidmatan perbankan atas talian melalui Perbankan Internet BSN dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih BSN bagi EduSave-i adalah terhad kepada semakan butiran akaun, sejarah transaksi, e-Penyata dan pindahan ke akaun deposit BSN lain. Demi mengelakkan keraguan, pindahan keluar dari akaun ke akaun selain akaun deposit BSN adalah tidak dibenarkan.

D. TERMA DAN SYARAT KHUSUS UNTUK BSN AKAUN SIMPANAN ASAS-I

1. KELAYAKAN

- 1.1. BSN Akaun Simpanan Asas-i terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap tertakluk kepada:
- (a) Akaun amanah bagi yang berumur bawah tujuh (7) tahun dengan ibubapa / penjaga sah sebagai pemegang akaun utama; dan
 - (b) Akaun individu bagi yang berumur tujuh (7) tahun dan ke atas.
- 1.2. Kad Debit BSN hanya akan dikeluarkan kepada pelanggan berumur tiga belas (13) tahun ke atas sahaja.
- 1.3. Melainkan Pelanggan telah memohon sebaliknya, Pelanggan akan ditawarkan Akaun Simpanan Asas-i jika Pelanggan mengisytiharkan diri atau termasuk dalam golongan yang berikut:
- (a) Individu berumur bawah lapan belas (18) tahun;
 - (b) Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas adalah;
 - i) Pelajar sepenuh masa;
 - ii) Orang kelainan upaya (OKU);
 - iii) Tidak mempunyai pendapatan atau berpendapatan rendah;
 - iv) Mengalami kesukaran menggunakan peranti digital seperti telefon bimbit dan komputer (iaitu individu yang kurang celik digital) atau menetap di kawasan yang tidak mempunyai liputan Internet atau liputan Internet lemah.
 - (c) Warga emas berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas;

2. DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- 2.1. Pembukaan akaun BSN Akaun Simpanan Asas-i hendaklah dibuat di mana-mana kaunter cawangan BSN dan tertakluk kepada jumlah peletakan minimum sebanyak RM20 semasa pembukaan akaun dan tiada baki minimum perlu dikekalkan.

E. TERMA DAN SYARAT KHUSUS UNTUK BSN AKAUN SEMASA ASAS-I

1. KELAYAKAN

- 1.1. BSN Akaun Semasa Asas-i terbuka kepada semua entiti perniagaan dan bukan perniagaan Malaysia kecuali syarikat tersenarai (syarikat Berhad).

- 1.2. Melainkan Pelanggan telah minta sebaliknya, Pelanggan akan ditawarkan Akaun Semasa Asas-i jika Pelanggan mengisytiharkan diri atau termasuk dalam golongan yang berikut:
- (a) Perusahaan mikro (semua sektor) – Jualan tahunan kurang dari RM300,000 ATAU pekerja sepenuh masa kurang dari lima (5) orang.
 - (b) Perusahaan kecil –
 - i. Bagi sektor perkhidmatan : Jualan tahunan kurang dari RM3,000,000 ATAU pekerja sepenuh masa kurang dari tiga puluh (30) orang.
 - ii. Bagi sektor pembuatan (*manufacturing*) : Jualan tahunan kurang dari RM15,000,000 ATAU pekerja sepenuh masa kurang dari tujuh puluh lima (75) orang.
- 1.3. BSN Akaun Semasa Asas-i tidak layak untuk kemudahan Cashline-i.

2. DEPOSIT DAN PENGELUARAN

- 2.1. Pembukaan akaun BSN Akaun Semasa Asas-i hendaklah dibuat di mana-mana kaunter cawangan BSN dan tertakluk kepada jumlah peletakan minimum sebanyak RM20 semasa pembukaan akaun dan tiada baki minimum perlu dikekalkan.